

بسم الله الرحمن الرحيم

٦٥- كتاب المغازي

65 - Kitab al-Maghazi (Peperangan).¹

١- بَابُ غَزْوَةِ الْعُسَيْرَةِ أَوِ الْعُسَيْرَةِ قَالَ ابْنُ إِسْحَاقَ أَوَّلُ مَا غَزَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْأَبْوَاءَ ثُمَّ بَوَاطِئَ الْعُسَيْرَةِ

1 - Bab : Ghazwah² Al-`Usyairah Atau Al-`Usairah. Kata Ibnu Ishaq: "Peperangan yang mula-mula disertai oleh Rasulullah s.a.w. ialah al-Abwaa', kemudian Buwaath kemudian al-`Usyairah."³

¹ Al-Maghazi (المغازي) adalah kata jama' kepada مَغْزَى. Perkataan مَغْزَى merupakan mashdar mimi atau zaraf makaan bagi perkataan غَزَا يَغْزُو غَزْوًا وَمَغْزَى. Perkataan ini asalnya bererti menyerang, memerangi, menuju (kepada sesuatu), menghendaki dan memaksudkan. مَغْزَى الْكَلَامِ bererti maksud percakapan. Tetapi di sini perkataan مَغْزَى semestinya dipakai dengan ma'na mashdar miminya semata-mata, iaitu peperangan. Jadi al-Maghazi itu bererti peperangan-peperangan. Apa yang dimaksudkan dengan al-Maghaazi di sini ialah ما وقع من قصد النبي صلى الله عليه وسلم الكفار بنفسه أو بجيش Bermaksud: "Peperangan terhadap orang-orang kafir yang dilancarkan oleh Nabi s.a.w. sendiri atau oleh pasukan tentera (Islam) atas arahan Baginda s.a.w." Sama ada peperangan itu berlaku di negeri musuh atau di tempat-tempat lain di mana mereka berada. Dengan itu termasuklah juga peperangan-peperangan seperti Uhud dan Khandaq di dalam al-Maghaazi.

² Perkataan ghazwah (غَزْوَةٌ) atau ghazaah (غَزَاةٌ) dipakai oleh ulama-ulama Sirah dengan erti pasukan tentera yang diikuti dan dipimpin oleh Rasulullah s.a.w. sendiri untuk menghadapi musuh. Sama ada berlaku peperangan atau tidak dengan mereka. Namun begitu, ia bukanlah merupakan suatu kaedah tetap, kerana peperangan Mu'tah dan Bi'ri Ma'unah juga disebut sesetengah ulama Sirah sebagai Ghazwah Mu'tah dan ghazwah Bi'ri Ma'unah. Padahal keduanya hanyalah sariyyah. Kerana Nabi s.a.w. tidak ikut serta dalam peperangan itu dan Baginda s.a.w. tidak secara langsung memimpinya. Sariyyah (سرية) dan saraaya (سرايا) pula menurut mereka ialah pasukan tentera yang diutus Rasulullah s.a.w. untuk menghadapi musuh Islam. Sama ada berlaku peperangan atau tidak dengan mereka. Baginda s.a.w. tidak turut serta dalam pasukan itu. Sariyyah hanya melibatkan pasukan para sahabat yang dipimpin oleh seorang amir (panglima) yang dilantik Baginda s.a.w. sahaja. Ba'ats (بعث) pula adalah pasukan kecil yang diutus Rasulullah s.a.w. untuk mengajar agama kepada sesuatu kelompok masyarakat, mengintip musuh, berunding dengan pihak musuh atau pihak-pihak yang lain demi kebaikan dan keselamatan negara. Antara Ba'ats yang pernah diutus Rasulullah s.a.w. ialah Ba'ats ar-Rajii'. Berdasarkan satu riwayat Bukhari daripada Abi Hurairah, Ba'ats ar-Rajii' ini disebutnya sebagai sariyyah juga. Spesifikasi seperti tersebut ini tidak ada dalam perhitungan Bukhari. Kerana itulah

beliau menyebutkan juga di bawah Kitab al-Maghaazi ini tentang saraaya dan bu'uts yang diutuskan oleh Rasulullah s.a.w.

Para ulama hadits dan sirah berbeda pendapat tentang bilangan ghazwah Rasulullah s.a.w. Berikut dikemukakan hasil perbedaan pendapat mereka itu: (1) Musa bin 'Uqbah, Ibnu Sa'ad, Ibnu Ishaq, al-Waaqidi, Abu Ma'syar, Ibnu al-Jauzi, ad-Dimyaathi dan lain-lain berpendapat, bilangan ghazwah Nabi s.a.w. adalah 27 semuanya. Demikian kata al-Qasthallaani. Antara alasan mereka ialah hadits Ibnu 'Umar yang diriwayatkan oleh at-Thabari ini: حَدَّثَنِي الْحَارِثُ قَالَ حَدَّثَنَا ابْنُ سَعْدٍ قَالَ حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ عَمْرِو بْنِ مُحَمَّدٍ الْأَنْصَارِيُّ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ ثَابِتٍ الْأَنْصَارِيِّ قَالَ سَأَلَ ابْنَ عَمْرِو بْنِ كَعْبٍ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ سَبْعًا وَعِشْرِينَ غَزَاةً فَقِيلَ لَابْنِ عَمْرِو بْنِ كَعْبٍ غَزَاةً أُولَاهَا الْخَنْدَقُ وَفَاتَنِي سِتُّ غَزَوَاتٍ وَقَدْ كُنْتُ حَرِيصًا قَدْ عَرَضْتُ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُلَّ ذَلِكَ يَرُدُّنِي فَلَا يُجِيزُنِي حَتَّى أَجَازَنِي فِي الْخَنْدَقِ Bermaksud: At-Thabari dengan isnadnya meriwayatkan daripada Muhammad bin Tsabit al-Anshaari, katanya: "Ibnu 'Umar pernah ditanya, berapa kalikah Rasulullah s.a.w. telah berperang?" Jawab beliau: "Dua puluh tujuh kali." Ibnu 'Umar ditanya lagi, berapa kalikah engkau berperang bersama Baginda s.a.w.?" Jawab beliau: "Dua puluh satu kali. Yang pertamanya ialah (perang) Khandaq. Saya terlepas enam peperangan (ghazawaat). Padahal saya hendak sangat ikut serta dalam peperangan-peperangan itu. Setiap kali saya dikemukakan kepada Baginda, Baginda tidak mahu menerima saya. Baginda s.a.w. baru membenarkan saya ikut berperang dalam peperangan Khandaq." (At-Thabari, Tarikh al-Umam wa al-Muluk j.2 m/s 207). Riwayat ini tidak layak dijadikan sandaran kerana kedha'ifannya. Kedha'ifannya terletak pada kedua-dua tempat, matan dan sanad. Kelemahan pada matan ialah kerana ia bercanggah dengan riwayat yang lebih sahih daripadanya. Kelemahan pada sanadnya pula terletak pada salah seorang perawi yang dha'if di dalam isnadnya. Perawi itu tidak lain dan tidak bukan ialah Muhammad bin 'Umar al-Waaqidi sendiri. Al-Waaqidi itu bukan sekadar dha'if pada pandangan para ulama, malah sesetengah mereka menganggapnya seorang pendusta. (2) Sa'id bin al-Musaiyyab berpendapat 18 atau 24. Pendapat Sa'id ini dinukilkan oleh 'Abdur Razzaaq di dalam Mushannafnya dengan sanad yang sahih. Lihat teksnya ini: عَبْدُ الرَّزَّاقِ عَنْ مَعْمَرٍ عَنِ الزُّهْرِيِّ قَالَ سَمِعْتُ بَنِي عَمْرِو بْنِ كَعْبٍ يَقُولُ سَبْعًا وَعِشْرِينَ غَزَاةً فَقِيلَ لَابْنِ عَمْرِو بْنِ كَعْبٍ غَزَاةً أُولَاهَا الْخَنْدَقُ وَفَاتَنِي سِتُّ غَزَوَاتٍ وَقَدْ كُنْتُ حَرِيصًا قَدْ عَرَضْتُ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُلَّ ذَلِكَ يَرُدُّنِي فَلَا يُجِيزُنِي حَتَّى أَجَازَنِي فِي الْخَنْدَقِ Bermaksud: Zuhri meriwayatkan, katanya: "Sa'id bin al-Musaiyyab berkata: "Rasulullah s.a.w. telah ikut serta dalam lapan belas peperangan." Kata Zuhri (lagi): Pada kali yang lain aku mendengar beliau (Sa'id bin al-Musaiyyab) berkata: "dua puluh empat peperangan." Aku tidak pasti adakah beliau telah terkeliru (waham) atau itu adalah sesuatu yang didengarinya kemudian." (3) Mafhum hadits Jaabir bin 'Abdillah yang diriwayatkan dengan isnad yang sahih oleh Muslim, Ahmad, Abu Ya'la, Abu 'Awaanah dan lain-lain menunjukkan bahawa, bilangan ghazwah Nabi s.a.w. adalah 21. Lihatlah haditsnya ini: حَدَّثَنَا زَوْجٌ حَدَّثَنَا زَكْرِيَّا حَدَّثَنَا أَبُو الزُّبَيْرِ أَنَّهُ سَمِعَ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ يَقُولُ غَزَوْتُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تِسْعَ عَشْرَةَ غَزَاةً قَالَ جَابِرٌ لَمْ أَشْهَدْ بَدْرًا وَلَا أُحُدًا مَنَعَنِي أَبِي قَالَ فَلَمَّا قُتِلَ عَبْدُ اللَّهِ يَوْمَ أُحُدٍ لَمْ أَتَخَلَّفْ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي غَزَاةٍ قَطُّ Bermaksud: Kata Jaabir bin 'Abdillah: "Aku ikut berperang bersama Nabi s.a.w. dalam sembilan belas peperangan." Kata Jaabir (lagi): "Aku tidak ikut dalam perang Badar dan Uhud kerana dihalang oleh ayahku." Kata beliau (seterusnya): "Setelah 'Abdullah (ayah Jaabir) terbunuh dalam peperangan Uhud, tidak lagi aku tidak ikut bersama Rasulullah s.a.w. dalam mana-mana peperangan sekalipun." Kalau Jaabir telah ikut berperang bersama Nabi s.a.w. dalam sembilan belas peperangan, tetapi beliau tidak ikut dalam perang Badar dan Uhud, bukankah ia bererti kalau dicampur dengan perang Badar dan Uhud, niscaya ghazwah Baginda s.a.w. akan jadi 21